


RENCANA  
UTAMA

REKAAN rumah yang bakal diubahsuai oleh Muhamad Azree diilhamkan sendiri oleh pemuda itu.



PANDANGAN dari sudut atas rumah semi-D kontena setinggi tiga tingkat yang direka Muhamad Azree bersifat mesra alam.

Penjagaan rapi dan modifikasi yang menarik mampu menjadikan rumah daripada kotak besi tampil lebih elegan malah ideal untuk dihuni.

# Rumah kotak besi ideal, unik dan elegan

**B**ERBEZA dengan negara luar, kotak besi atau kabin mempunyai fungsi yang meluas sehingga dijadikan pasar raya di Las Vegas, Amerika Syarikat selain dijadikan rumah yang bersifat kekal di Florida, Texas dan New Zealand.

Dengan rekaan menarik, rumah-rumah kabin tampak urban malah mewah dengan kombinasi warna dan gabungan kayu bersama kaca sebagai pintu serta sebahagian dinding.

Banyak melakukan kajian dengan merujuk kepada negara-negara yang mengangkat kontena sebagai kediaman ideal, Muhamad Azree Abd. Rahim, 26, dianggap pelik oleh masyarakat apabila membina rumah kontena di atas tapak miliknya di Sijangkang, Teluk Panglima Garang, Selangor.



MUHAMAD AZREE

Mungkin disebabkan melakukan sesuatu yang di luar kebiasaan, tindakan itu disifatkan ganjil dan tidak logik.

Bagaimanapun, anak jati Kluang, Johor itu tetap dengan idea pelik itu. Kini sudah setahun dia mengingati di kediaman kotak besi yang semakin bertambah saiznya.

Menurut pemuda itu, dia berpuas hati dan rasa berbaloi dengan tindakannya mendirikan kediaman sendiri di atas tanah miliknya.

## Fleksibel

"Pada November tahun lalu, ia didirikan dengan satu tingkat sahaja, namun kini berkembang menjadi dua tingkat. Malah, saya kini dalam proses untuk mengubahnya menjadi rumah tiga tingkat berkembar seperti rumah semi-D.

"Secara jujurnya, saya tidak pernah tidur di dalam kontena. Tidur di rumah sendiri adalah pengalaman pertama yang sungguh mengujakan," kongsi jurutera perisian itu.

Bercerita tentang keputusan yang dibuat tahun lalu itu, Muhamad Azree memberitahu, jika dihitung kadar gajinya, dia mungkin layak membeli sebuah kediaman dengan membuat pinjaman tempoh yang panjang. Namun, dia memilih untuk tidak terikat dengan bebanan hutang dalam tempoh yang lama. Dia juga mahu melihat



RUMAH kontena boleh menjadi alternatif kediaman masa depan di Malaysia.

setiap belia memiliki rumah sebelum berkahwin tanpa perlu bergantung harap pada pembelian semata-mata dan tidak perlu berhutang untuk tempoh yang panjang.

"Biarpun bersifat modular, rumah ini fleksibel dan boleh diubah mengikut cita rasa dan kesesuaian saya," jelasnya yang berazam untuk menyebarkan idea rumah kontena di negara ini.

Bagi pemuda yang kini popular dengan idea uniknya itu, rumah kontena kini relevan didiami dan boleh dibina oleh sesiapa sahaja. Muhamad Azree menegaskan, mendapat perlindungan dalam sebuah kediaman milik sendiri adalah hak sebagai rakyat Malaysia.

Bukan sahaja kosnya lebih murah, kediaman tersebut juga mudah dibina dan mampu menjadi rumah pilihan pada masa depan. Disebabkan idea uniknya, pemuda tersebut kini kerap diundang pelbagai agensi untuk berkongsi pengalaman di samping memberikan pendedahan

kepada belia dan kumpulan kreatif untuk mencipta evolusi pembinaan yang bukan lagi konvensional seperti dahulu.

Menurut anak kelima dari enam beradik itu, isu pertama yang mungkin berlegar dalam fikiran khalayak apabila membayangkan kontena adalah keadaan yang berbahang.

## Modifikasi

Namun, hasil modifikasi dan penggunaan bahan seperti kayu, serta bahan-bahan bersifat penebat, pendingin hawa boleh membuatkan keadaan di dalam kontena sama seperti kediaman lain.

Bagi aspek keselamatan pula khususnya apabila berlaku kilat, Muhamad Azree memasang perangkap kilat sebagai langkah berjaga-jaga.

Ketika ditebak tentang jangka hayat rumah kontena yang dibina menggunakan kontena dan barang-barang terpakai yang lain, dia memberitahu bahawa ia subjektif untuk dinyatakan secara tepat.

Meskipun begitu, pemuda itu yakin pada 30 tahun akan datang rumahnya masih teguh berdiri selain makin cantik rekaan dan bertambah saiznya.

"Dengan penjagaan rapi seperti penggunaan cat untuk mengelakkan karat, kontena mampu bertahan buat tempoh yang lama," jelasnya.

Senada dengan Muhamad Azree, Mohamad Firdaus Mohamad Sany, 25, selaku

Pengurus Operasi The Kabin juga yakin bahawa rumah kontena realistik untuk didirikan berdasarkan operasi resortnya yang menggunakan kontena sebagai bahan binaan.



MOHAMAD FIRDAUS

## Cat marin

Turut menggunakan kontena terpakai, The Kabin juga turut menekankan aspek penjagaan untuk 18 unit kotak besi yang didirikan di atas tapak dengan keluasan hampir satu hektar.

"Kita menggunakan cat marin yang bersifat tahan lama dan tidak alah pada keadaan cuaca. Pada masa sama, pengubahsuaian dalaman kontena juga dilakukan bagi memastikan ia sesuai dijadikan bilik tidur," katanya ketika ditemui di The Kabin, Pantai Remis, Selangor.

Boleh memuatkan 78 pengunjung pada satu-satu masa, The Kabin yang mahu tampil eksklusif sentiasa dipenuhi pengunjung terutamanya pada hari-hari minggu, cuti umum dan musim cuti persekolahan kerana pelbagai kemudahan yang disediakan seperti kafe,



THE Kabin menggunakan konsep kabin atau kontena untuk menarik para pengunjung.

kolam renang, ruang untuk mesyuarat, dan ruang bacaan.

Kepada Pensyarah Seni Bina di sebuah universiti awam, Fadhlizil Fariz Abdul Munir, 28, beliau berpendapat bahawa untuk tempoh masa panjang, penggunaan kontena sebagai bahan binaan untuk kediaman kurang sesuai seperti penyelenggaraan dan cuaca setempat.

Beliau berpendapat, kontena lebih sesuai dijadikan kediaman sementara seperti ketika banjir besar, untuk pejabat atau komersial.

Jika mahu dijadikan kediaman tetap, pelbagai aspek perlu dititikberatkan. Antaranya ialah aspek ketahanan, pengudaraan, kawalan haba dan keselesaan pengguna.

"Secara fizikalnya, ia mudah diangkut dan boleh dibawa ke mana-mana. Namun, adakah ia benar-benar bersesuaian untuk dijadikan kediaman tetap atau hanya bersifat trend semasa?"

"Aspek penjagaan perlu

dititikberatkan selain menggabungkan kontena dengan bahan-bahan dan teknologi lain bagi memastikan ia lebih mesra untuk dihuni dalam jangka masa panjang," kongsi.

## Alternatif

Mengulas tentang kediaman daripada kontena, Ketua Program Seni Bina Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Ar. Zuhairuse Md. Darus berkata, secara peribadi beliau belum dapat melihat ia hidup dalam budaya di Malaysia.

Bagaimanapun, pada masa akan datang tidak mustahil kontena akan dijadikan sebagai alternatif dan pilihan kepada corak kediaman disebabkan perubahan sosioekonomi yang ketara.

"Kreativiti dan inovasi pereka bentuk dalam mengubah kontena sebagai kediaman juga boleh menjadi faktor perkembangan dan

penerimaan masyarakat terhadap trend baharu ini. "Sehingga kini, telah ada titik permulaan reka bentuk kreativiti dan inovasi dalam penggunaan kontena sebagai hotel, pejabat, ruang pameran dan lain-lain kegunaan," terangnya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Tambahnya, kediaman daripada kotak keluli itu juga mungkin relevan dan dijadikan pilihan berdasarkan transformasi yang dijalankan seterusnya boleh menjadi revolusi kepada keperluan alternatif kepada kediaman.

Sehubungan itu, Zuhairuse menyarankan supaya kediaman yang dibina menggunakan material tersebut perlu diubah dan disesuaikan sebagai kediaman supaya selesa didiami selain mengambil kira faktor kos.

"Ya bergantung kepada nilai kreativiti, inovasi dan penambahbaikan dalam reka bentuknya.

"Teknologi terkini boleh membantu memanjangkan jangka hayat sesebuah kontena selain menjadi rumah yang kondusif untuk didiami," kongsi beliau.



SUASANA dalam bilik The Kabin yang menawarkan penginapan unik berbanding kediaman biasa.

RENCANA  
UTAMA

RUMAH kontena milik Muhamad Azree yang terletak di Sijangkang kini dalam proses pengubahsuaian.